

UNSUR EUFEMISME DAN PERUMPAMAAN DALAM TEKS HIKAYAT IBAN

HARISHON RADZI

naslin@ukm.my

PHYLISIA ANAK DAVID

Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Sebagai sebuah masyarakat timur amnya dan nusantara khasnya, ternyata masyarakat Iban kaya dengan kesopanan dan kesantunan berbahasa. Hal ini jelas terbukti dengan adanya penggunaan bahasa halus dalam komunikasi seharian antara sesama mereka. Bahasa halus yang digunakan pula terdiri daripada pelbagai bentuk tetapi makalah ini mengetengahkan dua sahaja bentuk penggunaan bahasa halus iaitu kata eufemisme dan perumpamaan. Kedua-dua bentuk bahasa halus ini merupakan bentuk yang digunakan oleh orang Iban zaman dahulu sepertimana yang terakam dalam cerita hikayat di samping bentuk kata ganti nama. Makalah ini membincangkan aspek kesopanan berbahasa atau penggunaan bahasa halus yang terdapat dalam cerita hikayat masyarakat Iban di Sarawak. Kajian ini menjadikan teks cerita hikayat sebagai medium kajian, iaitu tiga buah buku cerita hikayat Iban yang memaparkan kisah tentang kehidupan kaum Iban zaman lampau, iaitu *Bunga Nuing Ngamboh*, *Lumpang Manding* dan *Satangkal*. Di samping kajian teks, kajian ini melibatkan kajian lapangan menerusi kaedah menemu bual beberapa orang informan untuk tujuan mendapatkan maklumat yang lebih tepat. Dapatan daripada kajian ini disampaikan secara deskriptif yang menunjukkan bahawa, penggunaan bentuk-bentuk bahasa halus sepertimana yang terpapar dalam cerita hikayat Iban telah mengalami serba sedikit perubahan. Justeru, kajian ini dapat dianggap memperkaya lagi maklumat kebahasaan berkaitan dengan bahasa Iban.

Kata kunci: bahasa halus, eufemisme, perumpamaan, cerita hikayat, perubahan.

ABSTRACT

*As a community in the eastern part of the world, specifically in the Malay archipelago, the Iban tribe is undeniably rich with politeness and respect in language use. This can be seen in everyday communication among members of the community which obviously proves to use a refined language. The refined language used consists of various forms but this article highlights only two of them; namely euphemism and simile. Both forms were used by the Ibans in the old days and are reflected in the legendary stories of the tribe. This article discusses aspects of politeness in language use or the use of a refined language in legendary stories of the Iban community in Sarawak. Legendary stories in written texts are used as the medium of the study, comprising three books which narrate on the life of Ibans in the past. The books are *Bunga Nuing Ngamboh*, *Lumpang Manding* and *Satangkal*. Apart from texts, the study also involves field works through interviews with informants to ensure a more exact information. The result of the study is presented in a descriptive manner, and shows that the use of refined language forms as observed in Iban legendary stories has experienced some changes in nature. Hence, the study can be considered to have contributed information with regards to the Iban language.*

Key words: refined language, euphemism, simile, legendary stories, change.

PENGENALAN

Sepertimana yang telah diketahui umum, cerita hikayat merupakan rakaman kehidupan lampau sesebuah masyarakat. Selain itu, cerita hikayat boleh juga dikatakan mengandungi separuh fakta manakala separuh lagi adalah mitos sahaja. Dalam cerita hikayat Iban yang dikaji ini, terdapat pelbagai elemen kehidupan masyarakat Iban pada zaman dahulu kala, misalnya bidang pertanian, peperangan serta sistem kepercayaan kaum ini. Oleh yang demikian, cerita hikayat dirasakan merupakan medium terbaik untuk mengkaji perihal kehidupan masyarakat ini termasuklah kajian berkaitan bahasa.

Budaya berbahasa sesebuah masyarakat pula berbeza dengan sesebuah masyarakat yang lain. Jika masyarakat barat seringkali menganggap adalah penting untuk menggunakan bahasa berterus-terang, masyarakat timur pula adalah sebaliknya. Justeru, amalan berbahasa yang menekankan aspek kesopanan menjadi salah satu strategi berbahasa bagi masyarakat timur. Hal ini telah disokong oleh Umar Junus (1993) yang menunjukkan bahasa dan elemen kesopanan tidak dapat dipisahkan. Fenomena kesopanan berbahasa ternyata berlaku dalam kalangan masyarakat Iban. Hal ini jelas terbukti dengan adanya penggunaan bahasa sopan dalam komunikasi seharian antara sesama mereka. Bahasa sopan yang digunakan pula terdiri daripada pelbagai bentuk tetapi kajian ini mengetengahkan dua sahaja bentuk iaitu unsur eufemisme dan perumpamaan.

Teo Kok Seong (2003) menjelaskan bahawa gaya berbahasa yang melibatkan elemen kesopanan antara satu masyarakat dengan yang lain adalah berbeza. Hal ini telah dijelaskan seperti berikut:

“Fenomena kesantunan atau kesopanan bersifat sejagat, tetapi strategi yang melibatkan aspek kebahasaan untuk berlaku sopan, didapati berbeza-beza antara satu masyarakat dengan yang lain. Kesantunan berbahasa dalam sesebuah masyarakat tidak selalunya sama dengan kesantunan berbahasa yang wujud atau diamalkan dalam sesebuah masyarakat lain”

Objektif kajian makalah ini ialah meneliti penggunaan bahasa sopan berdasarkan konteks kehidupan sebenar masyarakat Iban sepertimana yang terdapat di dalam cerita hikayat khususnya unsur eufemisme dan perumpamaan. Di samping itu, makalah ini turut menghuraikan secara tidak langsung pengaruh bahasa sopan terhadap kehidupan masyarakat Iban pada zaman lampau sehingga ke hari ini.

Kajian berkenaan masyarakat Iban telah dijalankan sejak seawal tahun 1900 dengan penerbitan kamus berbahasa Iban “Sea Dayak Dictionary” oleh W.Howell dan D.J.S Bailey. Kemudian pula, pada tahun 1976, sebuah buku hasil kajian oleh Benedict Sandin bertajuk “Iban Way of Life” ini telah diterbitkan dari perspektif bidang antropologi dan sosiologi. Buku tersebut telah diterbitkan dalam dua versi iaitu dalam bahasa Iban (Tusun Pendiau) dan dalam bahasa Inggeris. Selain daripada Benedict Sandin, seorang sarjana berbangsa Iban iaitu Henry Ngadi telah berusaha menambahkan kosa ilmu dalam kajian berkenaan masyarakat Iban. “*Iban Rites of Passage and Some Related Ritual Acts: A Description of Forms and Functions*” diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka cawangan Sarawak pada tahun 1998. Saidatul Nornis Hj Mahali (2003) pula dalam *Dewan Bahasa* menulis tajuk “Perbandingan Sempama Melayu dan Iban” yang bertujuan melihat persamaan yang terdapat dalam peribahasa Melayu dan Iban. Di samping itu,

pengkaji ini juga ingin meneliti fungsi peribahasa dalam aspek kehidupan seharian kedua-dua masyarakat ini. Oleh sebab bahasa Melayu dan bahasa Iban berasal dari induk yang sama, maka tidak sukar untuk mencari persamaan dari segi peribahasa kedua-dua bahasa ini.

Bahasa Halus

Kamus Linguistik (1997) mendefinisikan bahasa halus sebagai bahasa pertuturan yang digunakan oleh penutur berpendidikan yang berbahasa baku. Manakala Darwis (1997) pula memberikan pandangan yang berbeza berkenaan bahasa halus. Menurutnya, bahasa halus atau eufemisme adalah ungkapan yang halus pengganti yang kasar, menampilkan perkataan atau ungkapan yang halus dari segi nada atau makna agar pendengar tidak tersinggung.

Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002) telah mentakrifkan bahasa halus hampir sama dengan definisi oleh Darwis iaitu bahasa halus terdiri daripada perkataan-perkataan yang lebih lembut dan digunakan untuk menggantikan perkataan yang kasar atau menyentuh perasaan.

Kaum Iban

Etnik majoriti di Sarawak ialah kaum Iban. Malahan “masyarakat Iban turut dikenali sebagai *Dayak Laut* (*Sea Dayak*) kerana kelaziman masyarakat ini yang mendirikan rumah panjang berhampiran tebingan sungai (Benedict,1980). Kaum Iban mula berpindah ke lembah Rajang di Sarawak dari Kapuas, Kalimantan, Indonesia kira-kira lebih 200 tahun yang lampau. Dari lembah *Batang* Rajang, mereka mula berpindah dan membuka penempatan baru di kawasan Batang Lupar, Sri Aman dan ke Saribas, Betong.

Selain itu, perkataan “Iban” itu sendiri mendukung beberapa maksud iaitu merujuk kepada kaum Iban, orang (manusia), atau manusia biasa (selain dukun atau *manang*). Perkataan Iban ini dipercayai berasal daripada gelaran yang telah diberikan oleh kaum Kayan “ivan” yang bermaksud orang asing yang berani” (Henry:1998). Orang Iban mungkin digelar sedemikian kerana kaum Iban pada zaman lampau merupakan kaum yang memburu kepala (digelar Borneo Head Hunters) sebagai amalan untuk membuktikan keberanian terutamanya bagi kaum lelaki yang hendak melangsungkan perkahwinan.

Kegiatan harian atau sumber ekonomi mereka yang utama ialah berburu (*ngasu*) dan menanam padi huma. Selain itu, masyarakat Iban juga menanam lada hitam sebagai sumber ekonomi sampingan selain berhuma. Namun, seiring dengan arus permodenan, generasi muda Iban dewasa ini mula berhijrah ke bandar untuk melanjutkan pelajaran atau mencari peluang pekerjaan.

PEMAPARAN DATA

Bahagian ini akan membincangkan berkaitan unsur eufemisme dan perumpamaan yang ditemui dalam 3 teks hikayat Iban yang mengisahkan kehidupan kaum Iban zaman lampau iaitu Bunga Nuing Ngamboh, Lumpong Manding dan Satangkai.

Eufemisme

Strategi kesopanan berbahasa sudah menjadi amalan masyarakat timur sejak dahulu kala. Oleh yang demikian, apabila membicarakan sesuatu yang dianggap tabu, masyarakat timur biasanya akan sedaya – upaya bercakap secara berlapik. Hal yang serupa digunakan oleh masyarakat Iban di Sarawak, yang memilih untuk tidak akan menyebut sesuatu yang dianggap tabu atau tidak elok diperkatakan sewenang-wenangnya. Justeru, penggunaan eufemisme sebagai pengganti perkataan yang tidak boleh disebut itu selalunya menjadi pilihan masyarakat timur, termasuk masyarakat Iban.

Dalam cerita hikayat yang dikaji juga tidak ketinggalan menekankan aspek berkaitan tabu bahasa berserta dengan eufemisme yang digunakan. Dalam kajian ini, penggunaan eufemisme pula hanya melibatkan eufemisme yang berkaitan kematian, hal ehwal berkaitan kanak-kanak dan bayi serta eufemisme yang digunakan untuk menggantikan bahasa tabu berkaitan makan.

Jadual 1: Tabu Bahasa dan Eufemisme

Tabu Bahasa	Eufemisme
Berkaitan kematian <i>Parai</i> (mati)	Midang, laya, nadai, lenyap, danjan, lesi, tumbang, lenyau, sulai, lenti lendong tiang,
Perihal mengandung dan anak <i>Anak Mengandung Bayi</i>	Darah getah Betuboh bisi Anak ulat
Perihal makan <i>Makai</i> (makan)	Ngintu diri, bebela ,

Berdasarkan jadual 1 berkenaan dengan eufemisme di atas, dapat dilihat dengan jelas bahawa untuk satu-satu bahasa itu terdapat beberapa eufemisme yang berkaitan dengannya. Hal ini kerana, masyarakat Iban sangat berpegang teguh kepada kepercayaan bahawa apabila sesuatu yang dianggap tabu disebut secara sewenang-wenangnya, berkemungkinan besar nanti *antu* (roh jahat) akan tumpang mendengar dan akan mengakibatkan bala atau sesuatu yang buruk terjadi. Seperti yang terdapat dalam jadual, untuk perkataan *parai* (mati) sahaja terdapat beberapa eufemisme yang digunakan. Antaranya sulai, layu, nadai dan midang seperti dalam petikan data berikut:

(1)

Enda aku tumbang ngangkat ke orang lama **midang**,
tinggang tebelian wi
Enda aku punggu ngangkat ke orang lama **layu**
tinggang tabu sengkutong tali
Enda aku sulai ngangkat ke orang lama **nadai**
tinggang rau rangkai keranjai indai manuk kedidi
Enda aku tumpat ngangkat ke orang lama **lenyap**

tinggang urat dan di lelaki
(Satangkai: 9)

Dalam pertuturan seharian, setiap perkataan yang digunakan dalam petikan sampi (doa) tersebut membawa erti yang tersirat berkaitan mati.

Jadual 2: Makna Literal Sesuatu Eufemisme

midang	Rosak dan tidak dapat diperbaiki lagi
layu	Tidak segar misalnya bunga yang telah kering
nadai	Tidak ada
lenyap	hilang

Perkataan-perkataan seperti midang, layu, nadai dan lenyap dipilih bersesuaian dengan sifat-sifat kematian itu sendiri yang mana apabila sudah mati seseorang itu seumpama barangan yang rosak (**midang**) dan tidak mungkin dapat diperbaiki lagi. Selain itu, orang yang mati juga seperti bunga yang telah **layu**, sudah tidak wujud lagi (**nadai**) dan akan hilang (**lenyap**) dari pandangan orang-orang yang masih hidup. Namun, dewasa ini, seiring dengan arus kemodenan, perkataan *parai* bukan menjadi tabu lagi dalam masyarakat Iban. Namun begitu, sebagai tanda menghormati si mati dan juga sebagai strategi berbahasa dengan sopan, penggunaan eufemisme **nadai** masih digunakan secara meluas, terutamanya oleh golongan tua.

Selain daripada eufemisme yang telah diterangkan sebelum ini, terdapat beberapa lagi eufemisme yang digunakan sebagai pengganti perkataan *parai*. Namun, perkara yang menarik berkaitan penggunaan-penggunaan eufemisme ini ialah ia lebih banyak digunakan dalam doa seperti yang terdapat dalam data sebelum ini. Hal ini terjadi disebabkan doa itu sendiri merupakan perkara peribadi yang penting antara pendoa dengan Tuhannya. Masyarakat Iban pada zaman dahulu selalunya berdoa kepada *Petara* (Tuhan) untuk meminta keberkatan serta kesejahteraan. Justeru, adalah menjadi perkara yang rasional menggunakan bahasa halus semasa berdoa.

- (2) Enda aku **danjan** ngelanggh bulan
Enda aku **lesi** ngelanggh hari
Enda aku **tumbang** ngelanggh bintang
(Satangkai:113)
- (3) ...dia meh iya bebungkor apus baka mulong lamus udah dibunang,
gali unjor meh iya baka bangkai lama **midang**...
(Bunga Nuing Ngamboh:7)
- (4) ...meda iya tak enda berasai **lenyau** enggau orang ke pulau Mandai
Pungkang...enggau semengat orang ke lama udah **lesi** ngagai
Mandai mati...enda berasai **lela** baka jawa tebelengka rarah takang

(Bunga Nuing Ngamboh:18)

- (5) “ Oh mati meh Bunga Nuing manuk biring sempidan arang,
parai meh Bunga Nuing tu **sulai laya midang**,” ko Endu
Telanjing mandi wong gelemang

(Bunga Nuing Ngamboh:20)

- (6) Maioh Orang ke udah nemuai kin agi belala diau enggau
aki ini sida ti udah enggau orang ka **lenti lindong tiang**.

(Bunga Nuing Ngamboh:51)

- (7) Uдах nya lalu disundang Keling, peda lalu rebah tumbang
tudah Tedai, juong ka parai **laya midang**
(selepas ditikam Keling, Tedai pun rebah sehingga dia **rosak**
tidak dapat dibaiki lagi)

(Bunga Nuing Ngamboh:56)

Selain daripada penggunaan eufemisme dalam perihal berkaitan dengan kematian, cerita hikayat yang dikaji juga turut menggunakan eufemisme sebagai pengganti kepada bahasa tabu berkaitan dengan perihal mengandung dan anak. Orang Iban di Sarawak percaya bahawa hal-hal berkaitan dengan mengandung tidak wajar disebut tanpa berlapis kerana semasa seseorang perempuan itu hamil, mereka percaya antu (roh jahat) suka menyakat perempuan berkenaan. Justeru, hal-hal berkaitan kehamilan menjadi tabu dalam masyarakat Iban. Oleh yang demikian, mereka memilih untuk menggunakan eufemisme (jaku kelaung). Antaranya seperti yang terdapat dalam data yang dipetik daripada cerita hikayat yang dikaji.

- (8) ... aku bulih **darah** bulih **getah**
Bulih **anak** bulih **telesak** ke dudi hari enda tau enda makai selamat...
(... aku mendapat **darah** mendapat **getah**
Mendapat anak mendapat **tunas** dan kemudian hari aku berjanji akan
membuat kenduri kesyukuran)
(Satangkai:11)

- (9) ...Nyau tiga taun udah bekau nya baru bini iya berasai asai deka
betuboh bisi...
(... setelah tiga tahun berlalu barulah isterinya terasa **ada badan**)
(Satangkai:11)

- (10) Sereta tembu iya nyebut leka sampi nya, piring enggau
perengka lalu dibuai kedalam ai. Manuk lalu disayat. Indu ke
nyandik **anak ulat** lalu nyungga ke iya nyambut pengerarat darah
manuk. Uдах tembu nyungga ka **anak ulat**, sida lalu mulai ke
diri ke rumah
(setelah habis berdoa, **piring** pun dibuang ke dalam sungai.
Ayam lalu disembelih. Perempuan yang mendukung **anak ulat** pun
memberinya mandi mengikut arus arah mengalirnya darah ayam)

(Satangkai:115)

Eufemisme yang digunakan untuk perkataan *anak* dalam doa seperti yang terdapat dalam ayat (8) iaitu ***darah, getah*** dan ***telesak*** menunjukkan bahawa pendoa tersebut sedaya-upaya tidak menggunakan bahasa berterus-terang iaitu memohon untuk anak, kerana dikhuatiri doanya akan turut didengari oleh *antu* (roh jahat), maka anak yang bakal dikurniakan oleh *Petara* (Tuhan) kepadanya kan diambil oleh *antu* (roh jahat).

Berbeza pula dalam ayat (10) di mana anak kecil atau bayi digelar ***anak ulat*** semasa dalam upacara memberi anak mandi di sungai. Bayi berkenaan sengaja digelar ***anak ulat*** agar roh-roh jahat yang mendengarnya berasa jijik dan geli untuk mendekati bayi berkenaan. Oleh yang demikian, bayi berkenaan tidak akan mengalami sebarang gangguan. Orang Iban amat percaya bahawa anak-anak kecil sangat digemari oleh roh-roh jahat untuk dijadikan mangsa gangguan kerana bayi tersebut masih lagi suci. Selain itu, bayi-bayi yang sihat dan berbadan montel juga tidak akan dipuji sebagai bayi yang sihat tetapi akan dikatakan bayi berkenaan hodoh dan tidak ada orang yang menyukainya. Alasan yang sama digunakan agar roh jahat tidak berminat dengan bayi berkenaan.

Perempuan yang hamil juga tidak akan disebut hamil dalam kepercayaan masyarakat Iban. Sebagai ganti kepada tabu bahasa hamil, ***eufemisme betuboh bisi*** (ada badan) akan digunakan seperti dalam ayat (9). Eufemisme ini digunakan agar kandungan perempuan berkenaan tidak akan mengalami sebarang masalah. Selain itu, ***betuboh bisi*** kedengaran agak sopan dan halus berbanding mengatakan perempuan tersebut mengandung. Secara tuntasnya, kepercayaan terhadap adanya gangguan roh-roh jahat menjadi faktor utama penggunaan eufemisme dalam perihal kehamilan dan anak disamping sebagai elemen kesopanan dan kehalusan bahasa masyarakat Iban di Sarawak.

Selain daripada eufemisme berkaitan dengan dua perkara di atas, dalam cerita hikayat ini juga terdapat eufemisme tentang perihal makan. Sebagaimana perihal kematian dan kehamilan menjadi perkara yang tabu dalam kehidupan seharian masyarakat Iban, perihal makan juga begitu. Hal ini kerana, orang Iban percaya sekiranya berada di tanah atau di luar rumah, perihal makan dianggap bahasa tabu kerana dikhuatiri akan mendatangkan kempunan (*puni*). Dalam cerita hikayat yang telah dikaji, terdapat tiga eufemisme berkaitan *makan*.

- (11) Bunga Nuing pen lalu ***ngintu diri*** dia, ngisi di buni perut besai
(Bunga Nuing pun lalu ***melayan diri*** untuk mengisi perut.)

(Bunga Nuing Ngamboh:9)

- (12) “ Ng, enti nuan udah bisi mai arang enggau besi, lagi pen nganti udah ***bebela***. Ukai lama aku limping ngamboh nyabor ti semina siti aja,” ko Sampang Gading
(“sekiranya kau sudah ada arang dan besi, tunggulah sudah ***menyediakan makanan***. Bukannya lama aku menolongmu membuat parang itu kalau hanya satu sahaja” kata Sampang Gading).
(Bunga Nuing Ngamboh:13)

(13) Kling lalu nyaut. “ Enda ambai enda. **Udah aki**, tunggol pantuk aku anang.”

(Kling pun menjawab. “ tak usah ambai. Dah datuk, tidakku kempunan”.

(Bunga Nuing Ngamboh:13)

Berdasarkan dapatan kajian dalam cerita hikayat, makan merupakan perkara yang dianggap bahasa tabu terutamanya semasa berada di luar rumah. Justeru, penggunaan perkataan-perkataan seperti **bebela**, **ngintu diri** serta **udah aki** menjadi eufemisme yang berfungsi sebagai pengganti kepada bahasa tabu tersebut. Dalam ayat (11), Bunga Nuing dikatakan **ngintu diri** (melayan diri) sebagai eufemisme untuk menggantikan bahawa Bunga Nuing sedang makan. Hal ini kerana, dalam situasi tersebut Bunga Nuing sedang berada di tanah kerana menebang pokok. Menurut kenyataan informan, seandainya Bunga Nuing mengatakan dirinya hendak **makan**, berkemungkinan kerja-kerjanya akan terganggu serta dikhuatiri dia akan mengalami sebarang kecelakaan akibat kempunan.

Begitu juga apabila Sampang Gading mengajak Bunga Nuing **bebela** (12). Sampang Gading tidak mengajak Bunga Nuing makai (makan) sebaliknya mengajak dia **bebela** (menyediakan sesuatu seperti makanan) kerana selapas itu mereka bercadang untuk membuat senjata. Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, makan dianggap tabu dalam masyarakat Iban sekiranya selepas atau sebelum itu seseorang bercadang melakukan sesuatu pekerjaan atau hendak keluar rumah, kerana dikhuatiri mengalami sebarang kecelakaan. Manakala dalam ayat (13) pula, Kling menyebut “**udah aki**” apabila Menti mengajaknya makan kerana Keling menolak untuk makan pada masa itu. Orang Iban percaya adalah perlu menyebut frasa “**udah aki**” (sudah datuk) sebagai maksud dia sudah makan walaupun sebenarnya dia belum makan untuk mengelakkan ditimpa kecelakaan. Tambahan pula, dalam situasi Kling, beliau berada berdekatan air. **Aki** dalam konteks tersebut merujuk kepada panggilan hormat kepada buaya.

Perumpamaan

Perumpamaan kebiasaannya digunakan oleh masyarakat Iban untuk menyatakan sesuatu secara tersembunyi atau tersirat. Oleh yang demikian, perumpamaan wajar tergolong dalam kategori bahasa halus kerana sesuatu itu yang berkemungkinan menyinggung perasaan dinyatakan secara halus bertujuan menjaga hati pihak yang mendengar. Penggunaan bahasa halus ini bukan sahaja digunakan dalam percakapan lisan, tetapi turut termuat dalam cerita hikayat, yang mana menggambarkan realiti kehidupan masyarakat Iban dahulu kala.

Dalam tiga cerita hikayat yang telah dikaji ini juga terdapat beberapa bentuk perumpamaan yang telah digunakan. Perumpamaan ini akan diterangkan berdasarkan maksudnya, mengapa perumpamaan itu yang digunakan serta penggunaannya berdasarkan situasi pada masa dahulu seperti yang terdapat dalam cerita hikayat dan juga situasi pada masa kini berbantuan meklumat daripada para informan.

Berikut merupakan senarai perumpamaan yang terdapat dalam cerita hikayat beserta dengan maksudnya sekali:

Jadual 3: Perumpamaan dan Maksudnya

Perumpamaan	Maksud
Bedau tuboh rumpas	Masih bujang atau belum berkahwin
Perabu sulu ayam mata	Kekasih hati
Dara bungas	Masih dara atau gadis
Berani enggau orang ka nibong nengkebang batang	Berani atau sanggup menghadapi risiko dari perbuatan yang dilakukan
Tak runggu ensing, enti terebai apus ga sungai	Orang yang diam-diam sahaja
Ngenong baka empelekong mabuk amboh, tak temati kutu baka puyu mabok keruh	terpana

Berikut adalah petikan data yang terdapat dalam cerita hikayat:

- (14) Manah ga iya **bedau tuboh rumpas**, laban agi belala ngelantang ke ati ba pengawa bujang...
(bagus juga **masih ringan tubuhnya**, kerana masih tak puas hidup bujang)
(Bunga Nuing Ngamboh:2)
- (15) ... nadai berati ke **perabu sulu ayam mata**, meda Bunga Nuing nadai belemati ke peruji ati ambai cinta
(... tidak terlintas nak mencari **kekasih mainan mata**, melihat Bunga Nuing tidak kisah mencari teman wanita)
(Bunga Nuing Ngamboh:2)
- (16) Tambah mega iya endang agi **baka dara bungas**, laban iya bisi ngembuan batu melaban labang
(tambahan pula dia seperti **masih anak gadis** kerana dia menggunakan pemanis)
(Bunga Nuing Ngamboh:3)
- (17) ... kati nuan **berani enggau orang ka nibong nengkebang batang?** Enti enda nuan sanggup ke utai nya pulai alai nuan enggai ke tua temu orang
(... adakah kau **berani menebang buluh yang miang?**
Sekiranya kau tak sanggup baiklah kau balik sebelum kita diketahui orang)
(Bunga Nuing Ngamboh:5)
- (18) “taja buat nuan Bunga Nuing nya baka nya, **tak runggu ensing, enti terebai apus ga sungai**”
(Walaupun buat kau Bunga Nuing begitu, dia **seperti burung raja udang, kelihatan tidak bermaya di tebing sungai tetapi**

apabila terbang, tetap juga dapat terbang sepanjang sungai)

(Bunga Nuing Ngamboh:5)

- (19) Ninga orang mai berekak, Bunga Nuing lalu **ngenong baka empelekong mauik amboh, ngetu baka puyu mabok keruh**, tak lina meh Bunga Nuing baka ai pasang menoh
(Tatkala mendengar orang mencabarnya bergaduh, Bunga Nuing
terpana seperti ikan puyu yang mabuk dek air keruh.

(Bunga Nuing Ngamboh:28)

- (20) “ Enti bakatu bula pandai ensunggai jari ngengkang, ti bakatu **bula indai sempuna bangka ngumbai diri pandai di chunggai jari kiba tau belega ka ai lia dipala dulang medang,**” pia ko Bulan Menyimbang. Bulan Menyimbang ngutok sida empat ke ngadu ke perau.
(“jika begini, bohonglah **ibu punai yang bangga mengatakan dirinya pandai sehingga mampu menyediakan air halia** ” kata Bulan Menyimbang mengutuk mereka berempat)

(Bunga Nuing Ngamboh:47)

Data-data tersebut merupakan perumpamaan yang terdapat dalam tiga buah cerita hikayat yang dikaji. Perumpamaan-perumpamaan tersebut memainkan berbagai peranan **dalam** komunikasi seharian antara watak-watak yang terdapat dalam cerita hikayat. Misalnya dalam ayat (18) dan (20), perumpamaan tersebut berfungsi sebagai sindiran. Sepertimana yang telah ditekankan sebelum ini, masyarakat Iban sangat mementingkan aspek kesopanan semasa berkomunikasi. Justeru, bahasa halus sering dipilih sebagai satu strategi bersopan walaupun untuk menyatakan teguran ataupun sindiran.

Ayat (18) yang mengumpamakan Bunga Nuing seperti *ensing* (burung raja undan) yang walaupun kelihatan tidak bermaya di tebing sungai tetapi apabila terbang, tetap juga dapat terbang sepanjang sungai. Dalam situasi tersebut, walaupun Bunga Nuing kelihatan seperti pendiam, tetapi diam-diam dia telah pergi *ngayap* seorang gadis di rumah panjang mereka di Panggau. Perihal burung *ensing* yang tidak bermaya (*runggu*) sesuai dengan sikap Bunga Nuing yang pendiam. Penggunaan perumpamaan untuk menyatakan sindiran juga terdapat dalam ayat (20) apabila Bulan Menyimbang menyindir empat orang gadis yang terkenal pandai di kalangan penduduk Panggau namun masih gagal menghasilkan (nempa) sebuah perahu yang kukuh menggunakan kuasa magis yang ada pada mereka. Dalam ayat (17) juga perumpamaan digunakan untuk menyindir atau lebih tepat lagi memperli tentang kesanggupan Bunga Nuing untuk menebang *nibong* (sejenis buluh) yang sedia diketahui bermiang dan tajam.

Selain untuk bertujuan menyatakan sindiran, perumpamaan juga digunakan untuk menerangkan perlakuan, keperibadian ataupun sikap seseorang seperti dalam ayat (14), (16) dan (17). Dalam ayat (15), **bedau tuboh rumpas** (tubuh ringa) bermaksud seseorang itu masih bersendirian dan belum berjumpa pasangan hidup.

Bagi orang Iban pada masa dahulu, ***bedau tuboh rumpas*** adalah perumpamaan bersifat sopan yang merujuk kepada seseorang lelaki atau perempuan yang tidak berkahwin atau masih bersendirian, walaupun sudah berumur berbanding menyatakannya secara berterus-terang. Melalui pemerhatian dan pengalaman pengkaji sendiri, perumpamaan ini masih digunakan sehingga ke hari ini.

Dalam ayat (16) pula, ***baka dara bungas*** bermaksud seolah-olah kelihatan seperti anak gadis. Perumpamaan ini kebiasaannya untuk menyatakan seseorang perempuan yang telah berkahwin tetapi tubuh badannya masih kelihatan menawan seperti masih gadis. Penggunaan perumpamaan ini lebih sesuai untuk memuji tubuh badan seorang perempuan yang kelihatan masih langsing berbanding memuji secara berterus-terang terutamanya bagi golongan lelaki kerana dikhuatiri seperti mengingini perempuan tersebut. Perumpamaan ini juga masih kekal digunakan sehingga masa kini namun kadang-kala tujuan penggunaannya bukan sahaja untuk memuji malah telah diperluaskan kepada bentuk sindiran kepada seseorang perempuan yang berperakuan seperti anak gadis, masih bebas bergaul seolah-olah belum bersuami.

Berdasarkan huraian-huraian tersebut, ternyata perumpamaan digunakan oleh watak-watak dalam cerita hikayat untuk tujuan menyampaikan maksud tersirat seperti sindiran dan pujian. Perumpamaan yang digunakan dalam cerita hikayat menggambarkan realiti kehidupan masyarakat Iban pada zaman lampau yang amat berhati-hati serta menjaga pertuturan mereka. Penggunaan perumpamaan yang masih kekal sehingga ke hari ini pula membuktikan bahawa masyarakat Iban masih berusaha untuk menjaga warisan mereka terutamanya yang melibatkan aspek kesopanan dan kesantunan berbahasa. Justeru, bentuk-bentuk bahasa halus seperti perumpamaan masih menjadi pilihan untuk menyampaikan sesuatu maksud yang tersirat di sebalik percakapan seharian.

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, dewasa ini, penggunaan unsur eufemisme yang masih digunakan ialah eufemisme pengganti perkataan mati iaitu *nadai* serta *sulai*. Antara bentuk bahasa halus yang semakin jarang digunakan ialah perumpamaan kerana masyarakat Iban seiring arus kemodenan sudah jarang menjadikan elemen kesopanan sebagai salah satu strategi kesopanan berbahasa. Malah perkara yang agak mendukacitakan ialah terdapat juga generasi muda yang tidak pernah mendengar serta mengetahui tentang perumpamaan. Selain perumpamaan, eufemisme juga semakin jarang digunakan ekoran berubahnya sistem kepercayaan masyarakat Iban.

KESIMPULAN

Elemen kesopanan dan kesantunan dalam berbahasa menjadi salah satu strategi bagi sesebuah masyarakat mempelbagaikan penggunaan sesuatu bentuk bahasa dalam komunikasi seharian. Begitu juga dengan masyarakat Iban di Sarawak yang kaya dengan elemen kesopanan berbahasa seperti kebanyakan bahasa timur yang lainnya. Kajian berkaitan dengan kesopanan berbahasa pula bukan sahaja terdapat dalam pertuturan lisan, malah terdapat juga dalam teks bertulis. Teks-teks seperti cerita hikayat juga merakamkan kehidupan seharian sesebuah masyarakat termasuklah penggunaan bentuk-bentuk bahasa semasa berkomunikasi seperti bahasa halus yang digunakan oleh masyarakat zaman lampau. Penggunaan bahasa halus Iban yang menjadi fokus kajian ini pula turut mengalami perubahan seiring dengan perubahan zaman. Terdapat beberapa bentuk bahasa halus yang turut lenyap seiring waktu yang kian berlalu. Namun, tidak kurang juga bentuk bahasa

halus yang sering digunakan oleh masyarakat Iban pada zaman lampau yang telah mengalami serba sedikit perubahan pada masa kini. Hal ini terjadi disebabkan beberapa faktor seperti berubahnya sistem kepercayaan dan amalan kehidupan seharian. Justeru, wajarlah kajian seperti ini dilakukan agar generasi akan datang dapat melihat serba sedikit revolusi dalam penggunaan sesuatu bahasa. Hal ini selari dengan pandangan Suparno (2001) berkenaan dengan hubungkait antara perubahan bahasa terutamanya ketertiban berbahasa dengan arus perubahan zaman. Namun, menurut pandangan beliau, perubahan zaman bukan sepatutnya menjadikan elemen ketertiban berbahasa semakin terlupus, sebaliknya masyarakat pengguna bahasa semakin bijak berbahasa seiring dengan tingkat pemikiran yang semakin maju. Beliau menjelaskan bahawa:

“Jika tingkat kemajuan fikiran itu merupakan salah satu realiti peradaban manusia, norma penggunaan bahasa, termasuk ketertiban penggunaan bahasa, bukan sahaja menjadi cerminan peradaban seperti yang dirunut dalam pepatah “bahasa menunjukkan bangsa” tetapi juga menjadi jambatan menuju peradaban itu sendiri”.

RUJUKAN

- Benedict Sandin. (1976). *Iban way of life*. Kuching: Borneo Literature Bureau.
- Benedict Sandin. (1980). *Iban adat and augury*. Penang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Darwis Harahap. (1997). Gaya bahasa halus. *Pelita Bahasa*. 9 (8):38-39.
- Evelyn Anak Kunit. (2002). Kesopanan bahasa di kalangan masyarakat Iban: kajian ke atas novel. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Harry Anding. (1960). *Lumpong Manding*. Kuching: Pelanduk Publishing.
- Henry Gana Ngadi. (1998). Iban rites of passage and some related ritual acts a description of forms and functions. Kuching: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Henry Gerijih. (1963). *Satang kai*. Kuching: Pelanduk Publishing.
- Hatch, A. & Lazaraton, E. (1991). *The research manual design and statistics for applied linguistic*. Mass: Boston.
- Jamilah Hj. Ahmad & Jonathan Singki. (1989). *Cerita rakyat Iban*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. (2002). Kamus Dewan Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. (1997). Kamus linguistik. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mias Anak Geraji. (2006). Tabu bahasa masyarakat Iban berkaitan upacara keagamaan dan kepercayaan. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Nawi Derahman. (2000). *Teras penyelidikan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Nathesan, S. (1991). Bahasa dan hubungannya dengan masyarakat: satu tinjauan daripada perspektif linguistik. *Jurnal Dewan Bahasa*. 35 (1):69-73.
- Suparno. (2001). Ketertiban berbahasa sebagai jambatan menuju peradaban baru. *Jurnal Dewan Bahasa*. 5 (1):21-28.
- Saidatul Nornis Hj Mahali. (2003). Perbandingan sempama Iban dan Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa*. Hlmn 25-28.
- Teo Kok Seong. (2003). Kesantunan berbahasa: kes bahasa Melayu. *Dewan*

- Bahasa*. 3 (3):14-23.
- _____. (2006). Identiti budaya bahasa Melayu. *Dewan Bahasa*. 6 (6):6-9.
- Umar Junus. (1993). Bahasa dan kesopanan. Jurnal *Dewan Bahasa*. 28 (7):655-657.
- Weber, G. (1991). Beberapa catatan tentang kemerosotan dan kejatuhan bahasa. *Dewan Bahasa*. 35 (1):296-310.
- William Gieri. (1960). *Bungai Nuing Ngambuh*. Kuching: Pelanduk Publishing.